

# Kadar premium tanah perlu ikut nilai semasa

Langkah bagi elak perubahan dasar pasaran hartanah

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Cadangan untuk menyeragamkan kadar premium tanah yang dikenakan kerajaan negeri mampu mempercepat pelaksanaan pembangunan infrastruktur dan kemudahan di negeri berkenaan, yang membawa manfaat besar kepada rakyat.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berpendapat kadar berkenaan perlu ditetapkan mengikut nilai semasa untuk mengukur nilai sebenar setiap kawasan dan lokasi harta tanah terbabit.

Langkah itu bagi mengelakkan perubahan dasar untuk pasaran hartanah secara amnya.



Keratan akhbar BH semalam.

"Bila dibuat nilai, haruslah dibuat pada harga pasaran semasa kerana banyak nilai masih menggunakan kadar lama. Bagaimanapun, nilai itu hanya-lah satu rujukan kepada harta tanah di sekeliling projek kerajaan itu.

"Bagi projek kerajaan, perlu diselaraskan premiumnya dengan diskauan seperti yang dicadangkan.

"Bagi mengelakkan (nilai) tanah di sekeliling kawasan itu terjejas, perlulah diletakkan klausu (dalam peraturan), iaitu kadar premium tanah yang seragam itu adalah bagi unjuran projek kerajaan untuk rakyat saja," katanya kepada BH, semalam.

BH semalam melaporkan, satu kertas cadangan untuk meny-

ragamkan kadar premium tanah yang dikenakan kerajaan negeri sedang dirangka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) bagi menge-lak projek kepentingan awam ti-dak tergendala atau kosnya me-lambung terlalu tinggi.

Kertas cadangan JKPTG itu akan dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara (MTN) pada masa terdekat supaya semua ke-rajaan negeri mencapai persefahaman mengenai kadar premi-um tanah untuk projek Kerajaan Persekutuan seperti pembinaan sekolah, rumah mampu milik, balai polis, hospital dan kem ten-tera.

## Tak perlu bayar premium

Aimi Zulhazmi berkata, inisiatif untuk menyelaraskan semula ka-dar premium tanah di negeri yang menerima projek infras-truktur dan kemudahan pembangunan Persekutuan sepatutnya dibuat sejak dulu lagi.

"Sepatutnya sebarang projek Kerajaan Persekutuan tidak perlu dikenakan pembayaran pre-mium tanah pun oleh kerajaan negeri kerana secara jangka pan-

“Bila dibuat nilai, haruslah dibuat pada harga pasaran semasa kerana banyak nilai masih menggunakan kadar lama”

**Aimi Zulhazmi  
Abdul Rashid,  
Penganalisis  
ekonomi UniKL  
Business School**



jang, projek ini menguntungkan kerajaan negeri.

"Pertimbangan diberikan ke-rana kerajaan negeri mempu-nyai kuasa untuk memberikan tanah kepada Persekutuan atau memberikannya kepada pihak swasta yang lebih menguntung-kan dari aspek keuntungan jang-ka pendek," katanya.